

Selamatkan beruang matahari

FGV lancar program konservasi selamatkan haiwan terancam

SITI KHAIRULNISAH
MOHAMMED BAJURI

TROLAK

Felda Global Ventures Holding Sdn Bhd (FGV) mengambil inisiatif mengadakan Program Konservasi Bersuang Matahari dalam usaha menyelamatkan haiwan itu daripada ancaman aktiviti pemburuan, pemerdagangan dan perubahan.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Felda Global Ventures Holdings Bhd (FGV), Datuk Za-

karia Arshad berkata, program secara komprehensif itu pertama di negara ini yang memberi tumpuan kepada pengurusan, penyelidikan dan mewujudkan kesedaran tentang beruang matahari.

Katanya, satu memorandum persefahaman (MoU) ditandatangani pada 2015 bersama Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan); Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Persatuan Alam Malaysia (MNS).

"Bagi program konservasi ini, FGV bersetuju sumbang sebanyak RM2.3 juta sepanjang ia dilaksanakan sehingga tahun 2019.

"Program ini akan diurus tadbir FGV bersama Perhilitan, UKM dan MNS di mana Perhilitan diberi peranan dalam hal berkaitan pengurusan manakala MNS dan UKM pula masing-masing berhubung hal kesedaran dan penyelidikan," katanya.



Zakaria (tiga, kiri) merasmikan tiga buku sebagai simbolik perasmian.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Pelancaran Program Konservasi Beruang Matahari di Dewan Rajawali, Felda Residence Trolak.

Hadir sama, Timbalan Dekan Pascasiswazah Fakulti Sains dan Teknologi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Profesor Dr

Mohd. Talib Latif; Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan), Fakhru Hata Musa dan Presiden Persatuan Alam Malaysia (MNS), Henry Goh.

Dalam majlis itu, FGV turut lancarkan kumpulan tindakan komuniti beruang

matahari (CAG) yang dikenali sebagai Sahabat Beruang Matahari dan tiga buku iaitu Kelestarian Alam Sekitar, Pengurusan Beruang Matahari di Pusat Penyelamatan Hidupan Liar Kebangsaan dan Garis Panduan Pengurusan Beruang Matahari.

Menurutnya, usaha kon-

servasi ini mewujudkan kesedaran dalam kalangan masyarakat mengenai kepentingan hidupan liar selaras dengan komitmen kumpulan FGV untuk menjadi sebuah syarikat perladangan bersepadu yang mampan.

Menurutnya, dalam Program Konservasi Beruang Matahari FGV, lima komuniti CAG ditubuhkan di kawasan yang dikenal pasti mempunyai kebarangkalian besar konflik hidupan liar dengan manusia di Kuala Lipis, Kuala Terengganu, Sahabat dan Mersing yang melibatkan 151 ahli.

"FGV juga terlibat dalam sediakan sirang konservasi beruang matahari di Pusat Penyelamatan Hidupan Liar Kebangsaan (NWRC) sejak 2016 dan serikat ini berjaya selamatkan 36 beruang matahari dan 25 daripada itu berjaya dilepaskan semula ke habitat asal mereka selepas proses pemuliharaan.